

Ancaman Sekuriti Makanan dan Kesihatan Komuniti Kintak di Malaysia

Nor Haidanadia Hasni (P77475) dan Sharina Abdul Halim

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: norhaidanadihasni@gmail.com

Pernyataan Masalah: Ketiadaan sekuriti makanan bermaksud kurangnya keupayaan untuk akses kepada sumber makanan yang mencukupi, berkhasiat, selamat untuk menjamin kehidupan yang aktif dan sihat. Ini bermakna kekurangan atau ketiadaan sumber makanan akan menyebabkan berlakunya kelaparan dan akhirnya menjelaskan tahap kesihatan. Masalah kesihatan dalam kalangan komuniti Orang Asli di Malaysia masih di tahap yang membimbangkan. Malahan, kini mereka semakin terdedah kepada penyakit yang lebih berbahaya seperti obesiti, kencing manis, darah tinggi serta jantung dan salah satu puncanya disebabkan amalan pemakanan yang tidak sihat dan seimbang. Suku Kintak merupakan di antara enam kelompok sosial Orang Asli terkecil di negara ini yang menunjukkan pertumbuhan penduduk yang perlahan selain Lanoh, Kensiu, Kanaq, Mendriq dan Che Wong. **Objektif:** Oleh itu, kajian bertujuan meneliti tahap sekuriti makanan komuniti Kintak dan kesannya ke atas kesihatan, di samping menentukan faktor utama yang menyebabkan ancaman sekuriti makanan dalam komuniti Kintak di Pengkalan Hulu. **Metodologi:** Terdapat dua pendekatan yang digunakan dalam kajian iaitu set soal selidik secara berstruktur ($n=42$) dan temu bual bersama penduduk Kintak ($n=15$) serta pengukuran antropometri melibatkan kaum wanita/ibu ($n=32$). Tahap sekuriti makanan ditentukan berdasarkan empat faktor utama iaitu ketersediaan makanan, kebolehcapaian makanan, penggunaan makanan dan kestabilan bekalan makanan. Manakala, aspek kesihatan meliputi pengukuran antropometri dan penyakit ringan yang dialami kesan kekurangan makanan. **Hasil:** Analisis dapatan kajian menunjukkan komuniti Kintak sedang berhadapan dengan ancaman sekuriti makanan yang boleh memberi kesan kepada kesihatan. Tahap sekuriti makanan komuniti Kintak ($n=42$) berada pada tahap rendah iaitu 40.5% mempunyai ketersediaan makanan tahap rendah, 73.8% kebolehcapaian makanan tahap rendah, 40.5% penggunaan makanan tahap rendah dan 42.9% mempunyai kestabilan makanan tahap rendah. Faktor kebolehcapaian/(akses) makanan yang rendah merupakan faktor utama ancaman sekuriti makanan dalam komuniti Kintak. Komuniti Kintak tinggal di kawasan penempatan yang dikelilingi hutan yang dahulunya kaya dengan sumber makanan dan ubatan. Walau bagaimanapun, aktiviti pembalakan, perlombongan dan perladangan yang berlaku telah mengurangkan ketersediaan sumber makanan dan semakin sukar untuk diakses. Aktiviti ini menyebabkan kesan kemusnahan dan kepupusan habitat flora dan fauna yang selama ini menjadi sumber makanan dan ubatan bagi kelangsungan hidup. Orang Asli Kintak terpaksa masuk ke hutan lebih jauh yang mengambil masa lebih lama dan memerlukan lebih tenaga untuk mendapatkan sumber hutan. Selain itu, antara faktor kekangan yang dihadapi komuniti ini dalam mengakses kepada sumber makanan yang mencukupi dan berkhasiat ialah kadar pendapatan yang rendah iaitu 37 keluarga (88.1%) memperoleh pendapatan kurang dari RM700 sebulan, ketiadaan pemilikan kenderaan 28 keluarga (65.9%) dan tiada perniagaan kedai runcit di dalam kampung (100%) serta lokasi penempatan yang jauh dari pekan dan kedai (100%) menyebabkan mereka sukar untuk akses kepada sumber makanan. Dari aspek penggunaan makanan menunjukkan komuniti ini mengamalkan diet pemakanan yang kurang sihat dan tidak seimbang iaitu kurang pengambilan makanan berunsurkan protein, vitamin dan kalsium yang baik untuk pertumbuhan dan kesihatan. Hasil pengukuran antropometri (BMI), dalam kalangan wanita/ibu ($n=32$) menunjukkan 15.7% mengalami kekurangan berat badan, 62.5% berat badan normal/ideal dan 21.8% mengalami lebihan berat badan (obesiti). Manakala, dari aspek masalah kesihatan (penyakit ringan) dalam kalangan ibu menunjukkan 96.9% mengalami sistem badan terjejas, 75% kerap pening kepala dan 68.8% kerap sakit perut akibat kekurangan makanan. Pemakanan yang seimbang dan mencukupi memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesihatan dan mencegah penyakit. **Kesimpulan:** Pelbagai strategi kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan masalah kekurangan makanan dan kesihatan Orang Asli seperti program bantuan kewangan, bakul makanan, pertanian dan penternakan serta program latihan dan kemahiran bagi meningkatkan kualiti hidup dan tahap kesihatan yang lebih baik.